

DOKUMEN KONSULTASI BAGI PERATURAN - PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (TAWARAN ATAU BIDAAN MENJADI TUAN RUMAH BAGI PERTANDINGAN ATAU ACARA SUKAN ANTARABANGSA) 2018

Tempoh Konsultasi : 1 -31 Oktober 2018
**Kumpulan sasar : Badan sukan, penganjur acara, agensi kerajaan
persekutuan dan negeri, syarikat swasta dan orang ramai.**

Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS) mengalu-alukan orang awam untuk memberi komen, idea dan pandangan kepada cadangan draf Peraturan Pembangunan Sukan (Tawaran atau Bidaan Menjadi Tuan Rumah Bagi Pertandingan atau Acara Sukan Antarabangsa) 2018 Akta Pembangunan Sukan (Akta 576). Dokumen konsultasi adalah sebagaimana seperti dilampirkan. Sila sertakan nama dan organisasi (jika berkenaan) serta nyatakan rujukan klausa bagi setiap komen yang diberikan.

Sebarang komen, idea dan pandangan perlulah diemelkan kepada asmadi@kbs.gov.my selewat-lewatnya **31 Oktober 2018**.

PENGENALAN

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang membangunkan peraturan-peraturan pembangunan sukan yang baharu di bawah Akta Pembangunan Sukan (APS) 1997. Peraturan yang dibangunkan ini bertujuan untuk melindungi semua pihak terutama yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membida, menerima tawaran mahupun menganjurkan acara sukan antarabangsa di Malaysia.

LATARBELAKANG

Perkembangan gaya hidup cergas dan sihat menerusi aktiviti sukan masakini telah menggalakkan banyak pihak menganjurkan aktiviti-aktiviti sukan seperti bola sepak, larian, berbasikal, sukan berasaskan pertahanan diri dan sebagainya. Acara yang dianjurkan ini turut melibatkan penganjuran yang sukan diperingkat antarabangsa samaada dianjurkan oleh agensi kerajaan mahupun swasta. Tidak kurang juga kemampuan negara kita membida atau menerima tawaran bagi menjadi tuan rumah pelbagai acara sukan antarabangsa.

Walau bagaimanapun, perkembangan ini turut dicemari oleh insiden-insiden dimana kemampuan penganjur acara sukan antarabangsa tersebut diragui. Terdapat kes-kes dimana penganjuran acara yang dibatalkan pada saat-saat akhir mengakibatkan kerugian kepada peserta menerusi pungutan yuran penyertaan yang tinggi seperti *Melaka Century Ride* yang telah memungut yuran pendaftaran peserta sebanyak RM400,000. Insiden-insiden ini telah menjejaskan kepentingan awam dan imej negara di peringkat antarabangsa. Terdapat juga kes penganjur gagal membayar wang hadiah kemenangan kepada peserta luar negara yang telah menjejaskan kredibiliti negara di mata dunia. Selain itu isu kemampuan kewangan penganjur, keupayaan menguruskan risiko, keselamatan, pengurusan program dan kesihatan peserta serta orang awam turut perlu diberi perhatian. Oleh itu, terdapat keperluan bagi memperkukuh dan menambah baik sokongan perundangan dalam Akta 576 terutamanya dalam mewujudkan peraturan pegawalseliaan dan pemantauan kepada penganjur acara bagi memastikan kepentingan awam secara keseluruhan tidak digugat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

CADANGAN PERATURAN

(TAWARAN ATAU BIDAAN MENJADI TUAN RUMAH BAGI PERTANDINGAN ATAU ACARA SUKAN ANTARABANGSA)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 33 dan 38 Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Pembangunan Sukan 1997;

“permohonan” ertinya permintaan yang dikemukakan kepada Menteri untuk kelulusannya oleh pembida yang membuat tawaran atau bidaan untuk menjadi tuan rumah bagi pertandingan atau acara sukan antarabangsa di Malaysia dan memohon kelulusan di bawah peraturan 4;

“kelulusan” ertinya persetujuan Menteri yang dikeluarkan di bawah peraturan 5 ke atas permohonan;

“pembida” ertinya mana-mana orang yang membuat permohonan di bawah peraturan 4;

“jawatankuasa” ertinya jawatankuasa yang ditetapkan oleh Menteri di dalam peraturan ini;

“borang” ertinya dokumen yang ditetapkan oleh Menteri di dalam peraturan ini;

“tuan rumah” ertinya pihak yang bertindak sebagai penganjur dimana segala keperluan dan kemudahan penganjuran disediakan mengikut apa yang dipersetujui.

“pertandingan atau acara sukan antarabangsa” ertinya pertandingan atau persidangan atau mesyuarat atau perhimpunan sukan yang melibatkan-

“tawaran atau bidaan” ertinya menawarkan kesediaan untuk menjadi tuan rumah yang perlu melalui proses bidaan dan protokol untuk ditentukan keputusannya oleh badan sukan antarabangsa.

“sukan” ertinya mana-mana aktiviti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta;

Permohonan Untuk Kelulusan Menteri

3. (1) Mana-mana pembida yang ingin membuat tawaran atau bidaan untuk menjadi tuan rumah bagi apa-apa pertandingan atau acara sukan hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis untuk mendapatkan kelulusan Menteri dalam tempoh selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum tarikh tutup tawaran atau bidaan itu.

(2) Pembida hendaklah memastikan bahawa tiada perjanjian atau kontrak ditandatangani antara pembida dengan Badan Sukan Antarabangsa berhubung tawaran atau bidaan tersebut.

(3) Permohonan yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah dibuat dengan melengkapkan semua maklumat dan menyertakan dokumen yang dinyatakan di dalam Borang PO1, dan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(4) Pembida hendaklah memastikan bahawa:-

(a) mengemukakan bukti bertulis bahawa permohonan dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk atau ahli-ahlinya jika pembida adalah sebuah badan sukan atau organisasi lain;

(b) memberikan maklumat latar belakang, objektif, dan faedah yang dijangka akan diperolehi daripada tawaran atau bidaan tersebut;

(c) mengemukakan justifikasi mengenai bantuan kerajaan yang diperlukan sama ada dalam bentuk bantuan kewangan, bantuan pentadbiran, menaja jamin kos penganjuran dan lain-lain perkhidmatan sokongan termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan keselamatan, diplomatik, imigresen dan visa serta jaminan kerajaan bagi penganjuran itu;

(d) mendapat sokongan secara bertulis daripada badan pengelola kebangsaan bagi sukannya;

(5) Jika permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) gagal dikemukakan kepada Menteri dalam tempoh yang ditetapkan, Menteri berhak untuk enggan memberi kelulusan dengan menggunakan Borang P03 sebagaimana dinyatakan di bawah peraturan 6.

(6) Menteri boleh menghendaki pembida untuk memberikan butir-butir, maklumat atau dokumen lanjut dalam tempoh yang ditetapkan.

(7) Jika apa-apa butiran, maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah subperaturan (5) tidak diberikan oleh pembida dalam tempoh yang dinyatakan oleh Menteri, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan permohonan baharu yang dibuat oleh pembida.

Kelulusan Permohonan

4. (1) Tiap-tiap kelulusan yang dikeluarkan adalah sebagaimana Borang P04.

Penolakan Permohonan

5. Setiap permohonan hendaklah memenuhi peraturan ini dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Borang PO1. Menteri berhak menolak sebarang permohonan yang tidak mematuhi peraturan ini dan syarat-syarat yang ditetapkan. Penolakan permohonan oleh Menteri akan dibuat dengan menggunakan Borang PO3.

Pematuhan Syarat Yang Dikenakan Ke Atas Kelulusan

6. (1) Menteri boleh mengenakan apa-apa syarat apabila mengeluarkan kelulusan di bawah peraturan 5 dan boleh, pada bila-bila masa, meminda syarat yang dikenakan.

(a) Pembida hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan ke atas sesuatu kelulusan.

(b) Pembida yang melanggar subperaturan (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Aktiviti Yang Dilarang

7. (1) Pembida yang mendapat kelulusan Menteri tidak boleh—

(a) menjalankan apa-apa aktiviti selain aktiviti yang baginya kelulusan Menteri diberi; dan/atau

(b) menjalankan apa-apa aktiviti yang diberi kelulusan Menteri di dalam premis selain premis yang dinyatakan dalam permohonan; dan/atau

(c) menjalankan apa-apa aktiviti lain yang menyalahi undang-undang Malaysia dan polisi-polisi kerajaan Malaysia.

(2) Pembida yang melanggar subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kesahan Kelulusan

8. (1) Tiap-tiap kelulusan yang dikeluarkan di bawah peraturan 5 hendaklah sah bagi tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dari tarikh pengeluaran kelulusan itu.

Pembatalan Kelulusan

9. (1) Menteri boleh membatalkan sesuatu kelulusan sekiranya pembida didapati:-

(a) melanggar atau gagal mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan;

(b) telah disabitkan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis yang lain;

(c) telah digulung (wind up) melalui perintah mahkamah;

(d) tidak lagi mendapat sanksi menganjurkan sukan itu daripada badan pengelola;

(e) tidak lagi mendapat penajaan bagi menganjurkan acara sukan tersebut (jika ia berkenaan);

(f) memberikan maklumat yang tidak benar.

(g) menggunakan kelulusan itu bagi maksud yang menyalahi undang-undang;

(h) tujuan asal yang baginya kelulusan itu dikeluarkan tidak lagi wujud;

(i) telah berhenti menjalankan aktiviti yang baginya kelulusan itu dikeluarkan;

(j) telah mencemarkan imej baik negara; atau

(k) terdapat apa-apa hal keadaan lain yang memerlukan tindakan sedemikian.

(2) Menteri boleh mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada pembida sebelum pembatalan kelulusan dilaksanakan.

(3) Pembida yang dikenakan tindakan surat tunjuk sebab hendaklah mengemukakan jawapan kepada Menteri dalam tempoh empat belas (14) hari.

(4) Pemberitahuan keputusan Menteri untuk membatalkan kelulusan hendaklah menggunakan Borang PL5.

-TAMAT-